

# PATUHI KEPUTUSAN

**KUALA LUMPUR, Sabtu** —  
Pemilihan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, Khamis ini, hendaklah dibuat berlandaskan tanggungjawab terhadap parti bagi mencapai matlamat perjuangan. Demikian tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menambah, keputusan muktamad pemilihan tersebut mesti dipatuhi.

Berucap merasmikan Konvensyen UMNO Negeri Selangor di Selayang, beliau berkata, pemilihan itu adalah peristiwa biasa dan "yang pentingnya ialah kemenangan UMNO".

"Kemenangan UMNO ini akan terbukti jika ia kekal dengan perpaduannya selepas kita mengadakan pemilihan," ujar Presiden UMNO itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap semua pihak bertenang menghadapi pemilihan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO itu dan memikirkan tentang tanggungjawab mereka terhadap Parti dan bukan tanggungjawab terhadap individu.

Beliau juga mengingatkan tentang bahaya kemusnahan parti jika para pemimpin dan ahli-ahli UMNO tidak bersatu padu melaksanakan tanggungjawab mencapai matlamat perjuangan.

Perdana Menteri berharap tidak ada ahli yang kecewa, kecil hati atau merajuk dan meninggalkan parti, jika pendapat mereka berbeza dengan orang lain.

Kerana ini, menurutnya, boleh memusnahkan parti dan menyebabkan ia tidak

dapat mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dengan keahlian 750,000 orang, sudah tentu terdapat berbagai pendapat yang berbeza di dalam UMNO.

"Bagaimanapun, kita masih boleh bergerak sebagai satu pertubuhan, jika kita faham dan dapat mencapai persetujuan dalam perkara-perkara asas perjuangan," ujarnya.

Beliau berkata, ahli-ahli UMNO boleh menyuarakan pendapat yang berbeza tentang matlamat parti memelihara kedudukan orang Melayu, agama Islam dan negara.

"Tetapi, kita mesti faham bahawa sebagai ahli UMNO, kita mesti mematuhi keputusan terakhir yang dibuat untuk menentukan perjuangan kita dapat berjalan," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menghargai minat ahli-ahli UMNO pada politik.

Bagaimanapun, beliau berharap minat tersebut tidak akan lentur dan menjadi lemah kerana "kelemahan boleh menyebabkan kuasa politik yang ada pada orang Melayu, akan terlucut."

Beliau juga menegaskan bahawa semangat perjuangan politik perlu ditanam pada golongan muda yang bakal menggantikan para pemimpin sekarang.

"Kita hendak supaya disusun golongan pelapis yang akan mengambil tempat kita selepas kita mengundur diri," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap Konvensyen-Konvensyen UMNO Negeri dapat memupuk dan menyedarkan golongan muda tentang pentingnya perjuangan politik.

Kira-kira 250 pemimpin dan ahli UMNO Selangor menghadiri Konvensyen sehari itu, termasuk Menteri Besar, Datuk Haji Ahmad Razali dan Naib-Presiden UMNO Malaysia, Datuk Haji Harun Idris.